

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : KOLEJ TEKNOLOGI PULAU, SG. RUSA BALIK PULAU,
PULAU PINANG
Tarikh : 04-03-2006
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN TABUNG PENDIDIKAN KOLEJ TEKNOLOGI
PULAU, PULAU PINANG

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Hilmi bin Haji Yahaya, Setiausaha Parlimen
Kementerian Kewangan Malaysia

Yang Berhormat Dato' Dr. Adham bin Baba, Setiausaha Parlimen Kementerian
Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hassan bin Said, Ketua Pengarah Kementerian
Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Hajjah Siti Mzenah binti Saat, Presiden Island College of
Technology

Yang Berhormat/Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta hadirin yang
dihormati,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Kolej Teknologi Pulau (ICT) yang telah menganjurkan Majlis Pelancaran Tabung Pendidikan Pelajar yang bertujuan mengumpul dana bagi membantu membiayai pelajar yang kurang berkemampuan. Langkah yang telah diambil oleh Kolej ini adalah satu usaha mulia dengan mengambil tanggungjawab sosial yang sangat terpuji. Jika setiap dari kita mempunyai kesedaran seperti ini, kita yakin beban yang dipikul kerajaan dapat dikurangkan di samping memberi peluang lebih banyak kepada pelajar miskin untuk menikmati pengajian tinggi. Sikap rasa bertanggungjawab, rasa ingin membantu, bekerjasama, sedia berkorban, pemurah dan ingin melihat kawan berjaya adalah sifat terpuji yang mesti dipupuk dan disemarakkan di kalangan rakyat Malaysia. Kita tidak mahu sikap tamak, tidak bertanggungjawab dan menindas menjadi budaya orang kita. Sebagai contoh hari ini harga minyak naik 30 sen, besoknya harga sepinggan mi turut dinaikkan dari RM3.70 kepada RM4.00, harga teh tarik dari RM1.20 naik jadi RM1.50 segelas. Bila kita tanya kenapa harga naik sebanyak 30 sen segelas, selamba dia jawab harga minyak naik 30 sen.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita turut berbangga dengan rekod kemajuan Kolej ini sebagai satu-satunya IPTS bumiputera di Utara Semenanjung yang mampu berkembang pesat pada saat-saat banyak Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bumiputera yang lain masih bergelut untuk mengukuhkan tapak. Justeru, kita faham bahawa pelaburan di bidang

pendidikan seperti ini tidaklah semudah yang dijangkakan kerana ia menuntut kepada komitmen yang serius, tanggungjawab yang berat, dan perbelanjaan yang besar dalam memikul amanah bangsa. Oleh itu, hanya Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang benar-benar diurus dengan betul, merancang strategi yang tepat, menawarkan program yang 'highly demand' dan mempunyai pengurusan kewangan yang cekap akan mampu berkembang seperti Kolej Teknologi Pulau ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dunia hari ini sedang rancak mengalami perubahan secara berterusan. Teknologi yang dibanggakan sepuluh tahun dahulu mungkin kini telah dianggap ketinggalan zaman. Kesan globalisasi, ledakan teknologi maklumat dan penemuan sains dan teknologi terkini telah mempengaruhi perubahan setiap negara di dunia. Ekoran perubahan tanpa henti ini, menuntut kita melakukan 'critical assessment' terhadap pendekatan dan sistem pendidikan kita kerana pendidikan dan kehidupan seharian merupakan satu komponen yang tidak terpisah. Oleh itu, pendidikan adalah bersifat 'functional' kepada prioriti dan keperluan masyarakat yang berubah. Oleh kerana keutamaan dan keperluan itu sentiasa berubah maka setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus peka kepada tuntutan dan permintaan pasaran yang sentiasa berubah. Kebijaksanaan membuat penyesuaian ('adjustment') terhadap bidang kursus yang mempunyai 'market driven' akan meletakkan Institusi Pengajian Tinggi tersebut menjadi buruan pelajar dan masyarakat industri. Oleh itu kita harus membuat bedahsiasat ('postmortem') tentang kegagalan banyak IPTS Bumiputera yang dilaporkan berlaku sejak akhir-akhir ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Keupayaan kita membuat analisis terhadap jenis kursus yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran guna tenaga adalah amat penting. Usaha mendapatkan maklumat terkini dari Bahagian Sumber Manusia di sektor industri sama ada di sektor awam atau swasta adalah penting dalam merangka jenis kursus yang sentiasa relevan dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran. Permintaan terhadap tenaga profesional yang sedia kritikal seperti di bidang perubatan, pergigian, farmasi, akauntan, arkitek dan kejuruteraan memang telah diketahui umum. Namun banyak lagi bidang baru yang amat diperlukan di pasaran seperti Product Design & Manufacturing Engineering Technology, Aircraft Maintenance Technology, Tool and Die Technology, Mould Technology, Medical Electronic Engineering, Radiography, Nursing, Biotechnology dan banyak lagi. Dalam konteks ini saya menyokong penuh usaha yang telah dibuat oleh pihak Kolej Teknologi Pulau untuk mengadakan kursus berbentuk 'Allied Health Sciences' seperti Ijazah Sains Farmasi dan Diploma Kejururawatan dengan kerjasama USM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sejak dari awal kemerdekaan di setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang dilaksanakan hinggalah kepada Rancangan Malaysia Ke-9, kerajaan tetap menjadikan agenda pembangunan modal insan menerusi pendidikan sebagai strategi utama memajukan negara. Dalam setiap pengumuman Belanjawan negara ternyata peruntukan terbesar diberi untuk pembangunan pendidikan. Terbukti, strategi ini amat berjaya. Strategi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat menerusi Dasar Ekonomi Baru telah berjaya membebaskan belunggu kemiskinan yang membelit majoriti rakyat di samping mengukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sebenarnya inilah asas keamanan, kemakmuran, keharmonian dan kestabilan Malaysia yang kita banggakan dan nikmati hingga ke hari ini. Dengan rasa syukur, insaf dan tawaduk kita para pendokong Kerajaan Barisan Nasional wajar berasa bangga dengan pencapaian yang telah kita capai sehingga kini. Tidak syak lagi inilah formula perkongsian kuasa, nilai toleransi, permuafakatan, persefahaman dan kekuatan perpaduan yang menjadi tonggak kestabilan politik kita yang berjaya dilaksanakan menerusi sistem pendidikan negara yang kita banggakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ternyata tidak banyak negara di dunia hari ini yang dapat memberi layanan, kebajikan, keadilan dan kebebasan seperti di Malaysia. Di sini Alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T. kita dapat berjalan, berniaga, belajar, bergaul, bermain dan bersiar tanpa ada perasaan takut dan curiga seperti yang berlaku di kebanyakan tempat di dunia. Oleh itu, kepada orang yang masih belum bersyukur, belum mahu dan sengaja tidak mahu menerima kenyataan, sentiasa mencari jalan untuk tidak bersetuju dengan kita, maka kita berseru, marilah bersama-sama kita cari titik persamaan, memulakan permuafakatan, dan bekerja ke arah memperkukuhkan negara. Lihatlah di hadapan kita, generasi muda hari ini telah menunjukkan bukti bahawa mereka inginkan perpaduan. Mereka mahukan keamanan. Mereka mahukan Malaysia yang terus maju. Ternyata mereka telah zahirkan hasrat ini dalam pungutan suara tahun 2004 yang lalu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Isu kenaikan harga bahan bakar sebanyak 30 sen, harus kita lihat secara menyeluruh, rasional dan dengan hati yang terbuka. Bukan sahaja kita harus menerima kenyataan bahawa harga minyak di pasaran dunia telah naik hingga melebihi US\$62 setong namun perbandingan harga minyak runcit semasa di negara-negara lain di dunia jauh lebih tinggi dari Malaysia juga adalah satu kenyataan. Langkah kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Kabinet pengangkutan awam untuk menjadikannya lebih efisien, jaminan tiada kenaikan harga pada tahun ini, memperkenalkan 'sistem fleetcard' dan kempen berbelanja secara berhemah harus dilihat secara positif bukannya secara sentimen dan emosi. Anjuran supaya kita berbelanja secara berhemah bermakna berbelanja secara berhati-hati. Berjimat-cermat bukan maknanya lokek dan kedekut, pemurah bukan maknanya boros tetapi berbelanja pada yang perlu. Alhamdulillah, hari ini kita telah mula mendengar rakyat mula merancang perbelanjaan harian, berjimat menggunakan tenaga elektrik,

tinggalkan gaya hidup mewah dan membazir serta banyak lagi tindakan yang betul. Kempen berjimat cermat ini tidaklah bermakna rakyat diminta berhenti dari terus menderma dan memberi sumbangan amal jariah. Bahkan kita yakin sekiranya kita terus bersedekah, berderma dan mengeluarkan zakat demi memenuhi tuntutan agama, nescaya perniagaan kita kian menjadi semakin subur dan rezeki kita kian melimpah ruah. Ini adalah hakikat dan jaminan dari Allah S.W.T.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Oleh itu, kepada semua dermawan yang terdiri dari badan-badan korporat, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan yang telah menderma atas dasar kesedaran untuk sama-sama mengambil tanggungjawab sosial membantu pelajar-pelajar miskin di Kolej ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi penghargaan, terima kasih dan tahniah. Semoga sumbangan ikhlas saudara dapat meringankan beban pelajar yang kurang bernasib baik dan di berkati Allah.

Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya dengan ini Melancarkan Tabung Pendidikan Pelajar Kolej Teknologi Pulau.

Sekian, Terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh